

CHRONICALLY DONUT

NUMBER #11
APRIL 2001



SUARA KITA



Photo by: Din Akar

c/o NORHAFIZI
NO 12,
JLN LEMBAH 24,
TMN DESA JAYA,
JOHOR BAHRU,
81100 JOHOR,
MALAYSIA.

Kepada distro-dsitro tempatan dan juga individu, harga w/sale kami adalah sangat-sangat berpatutan. Dan siapa yang berminat melalui kaedah trade sila hubungi kami tentang memberikan senarai barangan trade anda. Kami sentiasa menjemput anda atau sesiapa saja yang berminat untuk menghantarkan segala bentuk bahan penulisan untuk di muatkan pada setiap isu yang akan di keluarkan. Bahan-bahan yang di hantar untuk di review akan di kira sebagai trade. Kami juga sangat menekankan tentang info/report scene tempatan. Tulis dan hantarkan kepada kami tentang apa yang berlaku di tempat anda! Semua bahan untuk isu #12 hendaklah di hantar sebelum **15 Julai 2001.** Semua bahan yg diterima selepas tarikh ini akan di masukan pada isu seterusnya.

DONUT ON-LINE: www.geocities.com/guahandal
TIRAM ON-LINE www.geocities.com/luhandal

BILANGAN: #11

TARIKH: April 2001
HARGA: RM 3.00
BIL CETAK: 1000 Naskah
EDITOR: Said & jimbo
PENULIS:
Said, Jimbo, Khairiah, Ira, Wolverine, Tarmizi, Hery, Shabri.
JURU GAMBAR: Din Akar
SUSUNAN GRAFIK / REVIEW MUZIK & ZINE: Jimbo.
COVER DEPAN: Inflict /Melaka live show / Mac 2001



which there's info, thought and new list. Better check it out. Mungkin ada lagi distro dan label lain yg akan wujud tak lama lagi...just wait. Sebenarnya ada lagi benda lain yg lebih penting untuk saya war-warkan dalam report ni..COMMUNITY COALITION adalah sebuah kolektif dan direct action group yg mana aim dan objektif kami adalah utk membantu sesiapa sahaja yg lemah yg mana kami rasa patut di bantu (keluarga miskin, anak yatim etc)... Juga bertindak melancarkan kempen dan protest melalui banner yg di tampal di tepi2 jalan raya. Kolektif ini tdk mempunyai satu carta organisasi yg mana di sana ada berbagai jawatan...kolektif ini really based kepada keikhlasan yg mane sesiapa sahaja berhak untuk menjadi salah seorg dari community ini. Banyak aktiviti telah di jalankan setakat ini dan report-report mengenai aktiviti yg di jalankan bolehlah di dapati dari lidah tak rasmi terengganu "Ronin communique free newsletter". Apa-apa soalan mengenai Com Co juga boleh diajukan kepada c_coalition@freakclown.com. Ramai juga antara scenester di Trg ni terlibat secara langsung dan tdk langsung dalam aktiviti2 sosial yg lain dan antara aktiviti sosial yg di adakan setiap minggu ialah pembahagian makanan percuma yg diadakan setiap hari sabtu. Untuk subscribe report mengenai kegiatan makanan percuma ini anda semua bolehlah mencuba alamat ini makanan_percuma@yahoo.com. There'll be a person in charge utk handle mail nih. Ini sahajalah serba sedikit report dari Terengganu. Of course this report doesn't in anyway complete but at least gambaran tu nampakler sikitkan? Hahahahapuskan AUKU

Sedikit alamat;

*Ronin Distro/Strict Tease/ DRSA/ Narrator/Karut/Kasih Sayang, B783 Kg. Banggol Limau, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu

* Jelly Belly/Mosh, Nizam, 911-A lrg Kenangan, Jln Sultan Mahmud, 20400 K. trg

* Kindsadist/eMo-C, Nor Rifhan Raimi Rozi, lot 3947 tmn kurnia jaya, 21600 marang, Trg.

* Restricted Overripe/Knockout, 8 jalan 13 kprp, 24300 kerteh terengganu,

*Grll:Rebel/Quite Rot, 23, jln bakti, off jalan Kamaruddin,20400 kuala terengganu....others

Domi Digi, domi_digi@hotmail.com. old Parasite, mailto:. System Blank, sistemblank@hotmail.com,

Sekian terima kasih...

Obliteration Records



CSSO (Japan)
"Grind Rock 2000!!"
New live tape.-$4US
Good quality sound.With Backstage pass jacket. Limited 2000!!



INTENSE HAMMER RAGE (Australia)
"gory B"
tape-$4US
Tasmanian brutal gore metal

NOW PRINTING

MORQUIDO (Japan)
"Debut Demo"
tape.-$4US
Japanese Gore Grind Rock a la Gut eary Blood Duster & German godly BLOOD!!

DISGORGE(Mex) / 3 studio songs tape - $4US
AGATHOCLES / full length tape- $4US
CSSO / demo '99 - $4US
CSSO / FILTH / split tape - $4US
CSSO / RISE ABOVE / split live tape - $4US
CSSO "dive in Nicaragua" video Stereo sound, 60 min (VHS/NTSC only) - $10US

Obliteration Records
3-41-16 Sumida Sumida-ku Tokyo 131-0031 Japan
E-mail : csso@tf6.so-net.ne.jp
URL : http://grindrock.hoops.ne.jp

Terengganu Scene Report

by: Shabri 8 march

Things goes better... Jika di bandingkan dgn 1-2 tahun lepas, scene di terengganu sudah jauh bezanya, kalau dulu hanya ade 2/3 kerat je scenester sekarang ni Terengganu dah boleh berbangga dgn kehadiran manusia yg kian lama kian ramai yg get involve into the scene... some wholeheartedly, some musically and the other some .....

Tdk dapat dinafikan punk mmg mempunyai ikatan yg kukuh dgn music... ramai yg mendalami punk pun, at the first sight melalui muzik, dan scenester Terengganu tdk terlepas dari itu. Banyak band sudah mula ditubuhkan dan ini sebahagian daripada band yg boleh dikatakan aktif memeriahkan lagi scene di Terengganu. Strict Tease- band punk yg wujud sekitar 98 ini masih lagi gagah bertahan...Selain drp menawarkan muzik yg boleh dikatakan agak bagus, band ini juga menawarkan lyrics yg bermesej dan kesemua line-up band ni aktif menaikkan scene dari awal pembabitan mereka sampailah ke hari ini...Karut- juga bagus dari segi lyrics dan band ni juga agak political sebaris dgn Strict Tease. Karut will has their 1st release very soon. Oleh kerana band ini boleh dikatakan band adik beradik dgn strict tease, ronin distro akan memuatkan mereka dalam satu tape. Tunggu! Quiet Rot- Band yg into riot grll stuff, mostly mendapatl inspirasi dari Bikini Kill, Hole dan lain2 riot grrl band. Gastacop- satu lagi band yg boleh dibanggakan both dari segi muzik dan lyrics...saya sedikit kagum dgn band ni. Kasih Sayang- Kugiran baru dari Terengganu yg membawakan lagu2 yg bermesej. 1-2-3-4 chords of mince?/trashy punk?/grind, ntah muzik campur2 kot...Kindsadist- new talented all female band. Juga aktif dalam menaikkan scene di sini. JellyBelly- punk rock band yg ada sound macam baken beans sikit. Dalam perancangan mengeluarkan ep. eKe-satu2-nya band new wave yg bagus kat Terengganu...line-up agak aktif.RATM's alternative. Old Parasite- setakat ini band inilah paling banyak mengeluarkan product bunyi-bunyian sendiri.Got 3 demos kalau tak silap. DomiDigi-tertubuhnye di dungun, main new school with good political message. Kill Bridgette-sebuah lagi kugiran yg into riot grrl stuff....here are some more; System Blank- main noise? Skarang berpusat di KL dan saya agak keliru samada band ni masih aktif atau tdk..Restricted Overripe-main grunge dan merupakan antara band awal yg wujud di Kerteh, Knockout-juga antara band awal yg wujud di Kerteh dan band ini membawakan muzik campur2 antara ska dan reggae kalau tak silap saya. Aftermath, band kemaman yg memainkan music hc yg ada sound ala-ala shelter and mix up with pennywise. Telah mempunyai satu demo dan sekarang bercadang untuk mengeluarkan rilis terbaru merekadi bawah label mereka sendiri. Banyak lagi band2 yg saya kurang pasti, dalam pembikinan dan sesetengahnye mungkin tdk aktif spt negative approach (grunge), ngarut ngaban (grind), Indirect Rule (punk), Uncle Tobby (punk), Emily Die Yesterday (grunge), dan banyak lagi band yg tdk bernama....MUSIC DOESN'T HAS BARIER!!! Ada juga scenester Terengganu yg tlh berjaya menghasilkan bahan2 bacaan photostat yang bagus, antaranye DRSA-4 issue dah realease dan sekarang working for the next issue...zine ini antara zine2 yg banyak unsur2 political dan antara zine2 yg terawal muncul dalam generasi yg kami panggil generasi punk yg ketiga di Terengganu ini. emo-c-zine baru yg di edit oleh dua org editor wanita dari band Kindsadist. Really based on personal opinion and ezperience. Go Str8 Down- di edit oleh dua org anggota Strict Tease, antara zine2 awal di Trg tetapi sepi untuk seketika.Grrl Rebel-Zine pertama dari Terengganu yg cuba mengenengahkan stuff2 on riot grrl. Heartwork-artzine yg pertama di hasilkan di Trg. Di edit oleh guitarist system blank. Fully art! Mosh- zine pertama yg memuatkan issue campur-campur antara music dan stuff on skateboarding. Editor zine ni mmg rajin gile babi...sekarang dah issue 5. Narrator-zine yg di edit oleh editor yg bongok... sudah sekian lama menyepi dan sekarang tgh berangan-angan nak buat balik. Jgn hangat2 taik hayam sudahler.. Petal- zine ni sepatutnya di pronounce dalam bahasa Inggeris tetapi saya selalu pronounce dalam bahasa "petal- petai" hahahahapuskan ISA. Zine ini merupakan usahanita aaa usahasama ataupun kot dalam englishnye collectively edited by most of the girls around here...in KT and marang. Baru lagi rilis...Revolution without info is just nothing! START READING...Ada juga scenester Trg yg lagi berani, menceburkan diri dalam bidang distro dan record label... Setakat ini hanya satu distro dan label yg saya tahu agak aktif kat Terengganu ni iaitu Ronin Distro. Selain dari menghasilkan produk-produk sendiri dan juga mendistribusikan produk-produk orang lain, distro ini juga mengeluarkan satu free newsletter on

Kepada pembaca sila teruskan menulis surat-surat cinta kepada kami. Luahkan pandangan dan emosi anda yang terpendam didalam hati! Sila berikan pengenalan diri yang lengkap dengan alamat untuk di hubungi.
-editor



Assalamualaikum dan hai kepada Jimbo, said dan juga semua warga cronically donut dan Broken Noise Records. Aku shabri dari terengganu. Well sebenarnya aku tdk ada apa sgt utk ditulis, melainkan cuma ingin berkongsi sedikit opinion yg aku rase perlu aku luahkan kat kau Jimbo. Idea utk tulis surat kat korang bermula setelah aku attend gig kat Heaven Studio KL yg mane Parkinson perform pada hari itu bersama kalau tak silap 7/8 lagi kugiran crusty yg memainkan muzik2 yg bising.Well sebenarnya pada hari tu aku Cuma tgk 3 band sahaja perform dan band2 itu ialah Volition, Hargon dan juga band ko Parkinson. The rest, aku Cuma duduk lepak2 di luar bangunan bertemu rakan dan peratikan orang. Well setelah aku saksikan set dari volition, aku terus jatuh cinta dgn band nie...begitu juga dgn Hargon. Dan buat pengetahuan ko, aku tlh lama kagum dgn parkinson. Dan ketiga2 band yg aku lihat ari tu sama aje dari segi persembahan dan aku boleh buat kesimpulan other bands were the same too...semuanya memainkan muzik2 keras yg mana lyricsnya sukar difahami dan di dgr. Since this letter only reach you then I just would like to give an opinion about Parkinson only. Rata2 aku puashati dgn persembahan parkinson pada hari itu walaupun parkinson hanya main Cuma 3-4 lagu sahaja. Dari satu aspek anda tlh berjaya menarik penonton dan juga saya utk bergelak ketawa semasa kugiran anda membuat persembahan tapi jika di lihat dari sudut yg serius sikit anda juga sama seperti band lain2, yelling tanpa aku atau kami semua faham apa2 yg cuba anda shoutkan. You neither claim the message nor tell what the song's title is/was. Those who from your circle will get your songs and of course enjoy them tapi cuba fikir jika org luar daripada circulation korang ni yg saksikan(luar dari circulation nie bukan bermakna org tu tak joint the scene, but boleh aku katakan less crusty dari korang ataupun tak custy langsung) dan org2 tu kurang lagi pendedahan dgn muzik2 yg sebegini...apa yg diaorang akan kate? Menatang ape nyanying dok tahu?dok butir lasung! (nyanyi apa tah, tak kedengaran langsung) dan mungkin ada yg rase lebih handal lagi akan berkata " cih gitu aku buleh nyanying,warghwarghwargh habis"(kalau macam tu aku pun boleh nyanyi, warghwarghwargh habis. Jimbo. Aku rase ko lebih arif lagi ttg bende2 ni semua berbanding aku since ko sendirikan banyak terlibat dgn stuff anarcho yg mane mementingkan message utk di spreadkan. Tak berapa salah utk tidak menyampaikan message kalau lagu2 yg di sampaikan mudah di dgr dan di fahami tetapi bagi aku sedikit tersalah jika kite tdk menyampaikan message dari lagu2 kite yg mane org ramai tak boleh fahami our words in each songs we shout! Betul tak? Jika aku diberi peluang utk bermain gig, insyaAllah aku tdk akan lepaskan peluang utk menerangkan apa2 ttg lagu2 aku if there's any people who are willing to hear since aku dapat rasakan yg org tak akan faham dgn care aku nyanyi. Satu lagi yg aku rase kurang bersetuju ialah ttg one way gig in which kau pernah organise bende



nie...salahkah jika kite campur banyak genre muzik dalam satu2 gig? Bagi aku, aku sebenarnya lebih suka gig yg mane band yg main pada haritu bermain muzik yg berlainan antara satu sama lain...tak salah bagi aku jika ade 2-3 band yg mainkan muzik yg sama tapi bagi aku, sukar utk aku terima jika kesemua band yg perfom main style music yg sama...ianya amat memboringkan, tdk kira sama ade music itu keras ataupun jenis muzik yg relaks. Semuanya akan jadi boring jika kite di sogokkan dgn bende yg sama dan semestinyalah message tak sampai betul tak? Apabila org dah start keluar dari hall, then sapa yg nak dgr kamu nyanyi? Sapa nak dgr message kamu? Bagi aku semua bende mesti ade check dan balance...baru seimbang...begitu jugak dgn keadaan gig...kena ada keseimbangan...taklah telinga di momokkan dgn benda yg sama...Oklah Jimbo and the gang, aku rase takat tu jelah...sebenarnya banyak gak bende yg nak aku cakapkan, tapi aku rase tgn aku nih dah lenguh menaip...the whole content of my letter is just my personal opinion... tak semestinya betul dan tak semestinya kau kena bersetuju...aku percaya ko ade alasan atas setiap apa yg ko buat dan jika boleh aku nak tahu alasan korang...Ok that's all Peace and out -
Shabri- (Terengganu)
Cari keamanan Melalui Kasih Sayang

#2

ello Jimbo, Ha!. Aku Izzy sini, lama betul aku dah tak tulis surat kat kau & dah lama tak jumpa. Tapi untuk makluman kau aku sentiasa ingat pada kau lagipun kau dah banyak support aku dan tolong aku. Kau amacam sekarang> Sebenarnya aku sekarang ni sibuk sangat tambahan pulak tu karja tak tentu kadang-kadang balik petang, kadang-kadang balik malam. Tu yang susah. Dan ada masa ikut lori pergi Batu Pahat, KL satu hari suntuk. Habis aktiviti lain kena cancel & nak dengar stuffs pun susah tapi kebiasaannya aku layan stuffs grind/fast ni dalam lori, dengar lagu dalam perjalanan hantar barang. Sekarang ni aku dah kurang tulis surat pada member-member dah dekat 1 1/2 tahun. Tak terima surat boring pulak rasanya. Aku rasa nak start contact member-member lama balik semula. Ok berbalik pada cerita kita tadi... wah, diam tak diam sekarang Parkinson dah ada latest stuff, power pulak tu. Tapi aku rasa taklah segrind release yang awal-awal dulu. Untuk 'Peace Now or Die' ni boleh di katakan HC, mungkin brutal HC? Grindnya kurang kalau nak dibandingkan dengan split tape dengan Aghast, 3 way split etc.. dulu. Tapi masih ada umpphhh!!! walaupun tanpa Prop. Dan beat drum Atan sekarang aku dengar makin bagus.. excellent!! Oh ye, Jimbo - zine brokenvision& C. Donut macammana? Bila nak release latest issue? Mengenai Revolted, aku ngan Hasri memang tengah nak sambung balik bikin 4'th issue tapi mungkin lambat sikit tapi kita-orang akan siapkan jugak. pasal dah lama sangat stop. Nanti bila dah siap aku mesti pass pada kau. Jimbo kau sekarang ada tak apa-apa stuff fast yang baru-baru? Kalau ada bagitahu aku, boleh aku beli.
Ok, Jimbo sampai sini aje dulu untuk hari/minggu ni - semoga bertemu lagi di minggu yang akan datang tapi sebelum itu.. mak aku kirimkan salam rindu khas buat kau dan Lin. Mak aku tanya bila lagi nak datang sini, kalau nak datang bagitau cepat-cepat nanti boleh buat 'killer bubur jagung' he he he Ok lastly kirim salam pada semua especially Atan, Yusman, Said, Din Burung, Prop ..... Jumpa lagi.
p/s: Mana poster aku?
Izzy (Kota Tinggi - Johor)











Sandakan Youth Performance



Sudah lama rasanya bandar Sandakan sunyi daripada gig's HC/Punk/Crust/Metal dan sebagainya. Namun segala-galanya terjawap pada 7.10.y2k, bertempat di Dewan St. John Ambulance. Youth Performance gig's 2000 telah diadakan. Ia dianjurkan oleh Ah Kit dan Andiz di bawah label Tonic-Toxic Music Entertainment.

Kalau tak di pecahkan ruyung, makakan dapat sagunya dan kalau tak belanja RM 4, mana dapat aksinya. Bermula 2.55 tgh hari, kawasan sekitar Dewan St. John Ambulance mula dipenuhi minah-minah dan mamat-mamat pejuang-pejuang muzik yang kebanyakkannya bersedia nak banging dan pogo/slam. Dire Silhoutte sebuah band melodic death metal membuka tirai serta kehangatan gig pada hari itu. Band ini membelasah lagi-lagu dari influence mereka iaitu Inflames. Sedang aku sibuk memerhati band ini beraksi, aku terkejut 'beruk' dengan adanya seorang awek power turut head bangin bersama di situ. Syabas kepada Dire Sil Houtte. Sedang dalam kemeriahan begitu satu problem yang cukup mengecewakan berlaku black out. Itulah yang terjadi. Sial mahu mampus. Namun jam 3 petang. Alamak 'Chaos In THe Borneo' hangat serta riuh rendah. tanpa membuang masa Amcce bagitau band seterusnya Grindfest sebuah band noise punk) crust core grind itulah konsep mereka. Belum pun band ini beraksi crowd sudah pun memenuhi ruang depan stage. Dengan membawa lagu Carcass Grinder, crowd rasa nak gila dengan gaya slam pogo. Tolak menolak dengan keadaan 'extreme' sekali. Grindfest cukup noise. Syabas buat Zam yang memperjuangkan irama grind-core terutamanya di sekitar Sabah. Selesai sahaja Grindfest beraksi - Magnum 45, dengan lagu pertama dari Slipknot dan Koffin Kanser selepas itu membawa lagu sendiri. Muzik mereka lebih kerah Metal core. Syabas kepada Magnum 45. Band seterusnya yang baru iaitu Cronicle Ape's. Sebuah kugiran yang bermain crust core punk . Fuh - gila babi dengan line up 3 orang sambil drummer mereka sekali dengan vox pulak tu. Influence mereka apa lagi kalau bukan 'Demisor' . Syabas punk is rule buat Chronicele Ape's. Cheers! Pure Positif menutup tirai sebuah kugiran yang bermain muzik New Age Groove Hop hop Rap Core. Dengan gaya mereka sendiri sambil Vox dia banyak part bercakap-cakap ala-ala rap. Mereka membelasah lagu-lagu dari band-band Deftones, Rage Againsts The Machine dan sebagainya. Syabas buat pure positif.

Tahniah kepada Ah Kit, Andiz dan krew-krew Tonic Toxic kerana menganjurkan gig yang begitu heppening pada abad ini dan kurang di Sandakan sejak kebelakangan ini. Di harap pada masa akan datang gig's seumpama begini akan terus diadakan dan lebih penting kita mesti unite, respect, peace pada setiap individu.

Oleh: Hery Rey Skin's







#3

'Jimbo.. Apa khabar kamu di sana? Mengapa lama tak hantar berita. Aku kat sini macam biasa aje.. Kamu dah dapatkah gambar yang aku kirim tempoh hari itu. Oh ya Jimbo, kat sini aku nak luahkan segala yang terbuku akt dalam hati aku ni mengenai U/G scene nie. Mengepa dengan kesilapan yang kecil menusia sanggup memperbesar-besarkannya? Di manakah selama nie setianya kawan?

Where is unite? Siapa itu f*^&. Kenapa dengan unite ni. Apa yang sebenarnya dia mahu dari dunia U/G nie. Betulkah dia ni penting sangat dalam scene kita? Sememangnya ada di antara kita sudah pun mengenali 'unite' dengan begitu jelas serta mengemalkannya. Sememangnya unite merupakan pekara yang utama dalam scene U/G. Boleh dikatakan ia merupakan salah satu pekara asasdalam dunia U/G. Yang sebenarnya unite membawa maksud 'bersatu' dalam kata lain we all together support memperjuangkan scene atau muzik U/G that mean we all msut respect each other, secara ringkasnya kita saling 'hormat menghormati' ini kerana kita dalam naungan yang sama. Ia tidak mengira kita ni punk/ HC/ blackmetal/ oi/ etc...

Apa yang di inginkan ialah sikap toleransi yang di berikan sesama pergaulan. Tapi kat sini, tempat aku ni unite tak lagi di ambil kira. Yang penting ialah siapa yang paling banyak pengaruh dalam sesuatu scene. Kat sini ramai yang minat punk/HC tapi hanya aku sorang yang memperjuangkan skin head... kerana bagi aku itulah dunia aku. Aku sering di fuck oleh kawan punk/HC ni hanya kerana cara kami berbeza dari segi pakaian mahupun pergaulan... Apakah kesalahan aku ni hingga aku di benci oleh kawan aku sendiri. Dan salahkah aku memperjuangkan skin head ni? Tolonglah Jimbo - bagi aku jawapan dalam masalah aku ni. Salahkah aku memperjuangkan working class hero?

p/s: Aku harap kita masih lagi kawan, walaupun muzik kita berbeza kerana aku tak mahu berlaku lagi seperti mana yang aku alami sekarang.

Hery Sumarto
PO BOX 89600 Papar, Sabah

Sembang Keria : Vol. 2



Kalau tak silap aku - donut 10 keluar pada Januari 2000 dan ini bermakna dah dekat setahun setengah donut tak keluar issue baru di sebabkan oleh aku. Kalau aku pikirkan balik memang salah aku sebab terlalu sibok dengan Broken Noise. Dan kalau di fikirkan balik, asik nak layan sgt projek-projek Broken Noise tu - memang takda la zine donut sampai bila-bila. Donut dah aktif balik pun mungkin sebab aku dah kerja sekarang ni - so aku boleh lah atur masa aku sikit.

Ramai yang ingat donut dah tak ada lagi sebab dah dekat 1 ½ tahun zine ni tak keluar apa-apa isu. Kali terakhir adalah isu 10 yang penuh dgn hasil penulisan Said yang ganas-ganas. Isu 10 juga telah buktikan betapa aku ni sangat pemalas nak tolong Said buat kerja-kerja zine Donut. Aku juga dah berat sebelah dalam bahagikan masa yang banyak dalam Parkinson dan juga Broken Noise. Mungkin jugak sebab aku masih dalam study kat UTM dan jarang jumpa Said. Apa-apa pun semua tu cuma alasan dari orang pemalas macam aku ni! Hahaha!

Sejak aku dah kerja ni - semangat aku untuk buat Donut dah ada balik sikit-sikit. Memang kalau nak di pikirkan masa - aku rasa semua orang ada masalah tak cukup masa. So, nak tak nak aku kena cari masa untuk Donut. Sebab kerja-kerja buat zine ni bukannya kerja yang mudah. Aku dan Said dapat idea cara untuk kikiskan sikap malas buat zine dengan 'cuba' mengeluarkan zine ini setiap 4 bulan dgn cara apa sekali pun. Mungkin dgn cara ini tempoh keluaran pada setiap isu lebih konsisten. Sebelum ni setiap isu keluar mesti ikut suka-suka hati ikut mood. Ada 6 bulan, ada 3 bulan, ada setahun dan sampai 1 ½ tahun pun ada! Apa-apa pun aku akan cuba sedaya upaya untuk ini.

Dgn cara ini juga, aku rasa ia dapat bagi maklumat yang agak baru tentang scene dalam atau luar negara. Jika sebelum ni, interview yang dah 'lemau' pun ada dalam donut sebab tempoh rilisnya ambik masa lama. Untuk ruangan review pun, aku rasa semua orang termasuk aku memang nak baca benda-benda yang latest bila baca review (di samping membaca tipu helah peng'riview' itu sendiri - hehehe). So, itulah sedikit sebanyak pekara-pekara yang aku sentiasa fokus kan dalam isu-isu yang akan datang.

Dalam isu 11 ni memang ada orang yang banyak menolong. Kalau nak buat sorang-sorang memang tak siap benda ni. Selain aku dan Said - aku jugak amat berterima kasih kat Din Akar (editor zine Roots) yang dengan memberikan gambar-gambar photo yang anda boleh lihat di sekitar isu 11 ini. Aku memang dari dulu perati yang Din Akar ni memang suka shot gambar-gambar gig. Cantik-cantik pulak tu gambar dia - macam2 jenis angle dia bedal. Angle yang popular ialah angle lompat. Dalam koleksi-koleksi gambar photo dia tu - memang banyak posing-posing band hardcore/punk yang tengah lompat. Dan untuk cover donut kali ini kita boleh nampak hasil seni gambar dari Din Akar. Oleh itu - kalau sapa2 yang singgah JB ni, rajin2 lah datang rumah Din Akar dan tengok album-album gambar dia yang berlambak-lambak. Gambar masa aku muda-muda pun ada (tengah kurus lagi masa tu). Kalau ada duit lebih - minta je pinjam negetif film kat dia. Kalau dia kedekut - ugut untuk kotorkan tayar kereta dia.

Bercakap tentang isu kali ni - isi-isi nya memang agak sama macam dulu. Masih lagi pada status rip-off para pembeli dengan kandungan yang tak seberapa! Hahahah! Cuma format yang bertukar, (dah tak photostat lagi) saja nak bagi nampak gempak. Kepada sesiapa yang dah terbeli zine - harap jangan la serik untuk membeli zine ni lagi.

Banyak pencinta-pencinta seni telah menghantarkan hasil-hasil puisi mereka kepada donut. Yang peliknya kebanyakkannya datang dari Ireland. Diorang kata address Donut ada tersenarai dalam listing 9woeruf390ufoweriaj. Itu yang dapat banyak puisi-puisi dari luar negara tu. Sajak dari banduan pun aku ada terima. Untuk ruangan review pulak - aku sebenarnya tak terdaya nak review terlalu banyak barang sekali gus. Tapi akan ambik mana stuff yang agak baru dirilis sebab bagi peluang kat pembaca untuk mendapatkannya. Tapi masih juga aku review benda-benda lama yang mana sempat sebab aku nak beri pendapat untuk benda yg

oleh seorang pemuda yang tidak asing lagi di sekitar Johor Bahru ni iaitu saudara MAU. Diorang bedua ni kira ada pertalian sedara. Interview dengan ADA dari Pilipina adalah yang paling best di baca di samping interview2 lain seperti 240 noise Volt, Depress dan TSAB zine. Cubalah contact mereka ni dan tulislah surat yang panjang-panjang dan bagi diorang kerja. Sebab diorang selalu sangat pergi ke tmn U dan balik lewat malam!!

C/o Farok, farok, 8 Jalan Serama, off Jalan Larkin 80200 Johor Bahru, Johor.
C/o MAU, 18 Jalan Serunai, Tmn PKEINJ 80250 Kebun The, Johor Bahru, Johor

DETONATE THE MIND #2 (January 2001)



Di hasilkan oleh Kerk yang berasal dari Johor Bahru. Issue kedua ni memang padat, kemas dengan macam-macam bahan bacaaan yang berbagai topic.Juga terdapat scene repost di samping Interview yang agak panjang dan menarik dengan Kental dan juga Sawarimbad. Harap-harap dapat melihat issue baru yang akan muncul pada masa akan datang. Good work.

No. 19 Jln Panti 2, Taman Johor, 81200 Johor Bahru, Johor.

ADMONISH #1 (?)

Zine ni best sebab ada katun Blues bukan untuk aku! Tapi katun ni jenis sambung-sambung pulak. Ok, macam biasa zine ni juga banyak info dan juga pengetahuan tentang macam-macam benda yang mungkin ada diantara kita tak pernah nak ambil berat. Terdapat juga poster gambar penyu tengah tensen dan maki pakcik-pakcik tengok dia tengah bertelor. Satu artikel yang aku suka kat sini datang dari 'editor kesal' bercerita dengan nada sedih dan marah kat seorang budak nama MAON. Editor ni memang marah sgt kat MAON ni - katanya MAON kutuk member dia sebab nampak macam mat dadah! Ntah la - aku memang berminat pada tulisan-tulisan macam ni sebab bagi aku si penulis memang betul-betul tengah marah masa dia tulis tu!! Ok, cuba dapatkan zine yang bercover hijau ini dan mungkin dah ada issue yang baru kot sekarang ni. Maklum lah review lambat sangat!

C/o Mohd Darwis, 570 Lorong Kenanga 1, Tmn tangkak Jaya 84900 Tangkak, Muar, Johor.

ABSTAINED AGOGO / HOMISIDE split (?)

Pehhhh! Zine ni memang power. Sapa yang belum dapat - aku nasihatkan baik korang dapatkannya segera sebelum kehabisan. Pandangan aku zine ni memang 'padat' dengan macam-macam bahan yang tulen hasil olahan dari kedua editor ini. Bahan yang di ketengahkan semuanya yang serius punya benda - bukan min-main punya. Ada 1-2 yang berkaitan dengan Anti-McD. Sebahagian besarnya di sediakan dalam bahasa lebih cepat untuk pemahaman. Pada pandangan aku, bahasa inggeris memang satu masalah besar yang di hadapi oleh scene kita. Di sebabkannya ramai yang kurang berminat untuk membaca zine dan juga lirik-lirik lagu. OK, berbalik pada zine ini tadi. Interview yang panjang lebar dgn band Container Crusties From Hell dan juga Shortsited, Disgruntled dan Rengkong Terkeluanq. Tolong ambil perhatian kat zine ini dan contact mereka untuk dapatkan zine ini.

Homidise c/o Bidan, 1 Jln TP6, Taman Pahlawan 76300 Sg Udang, Melaka.
Abstained Agogo c/o Hafeez, No 6, Kg Lundang Paku, 16450 Ketereh, Kota Bahru, Kelantan.

BOYCOTT MANIFESTO #0 (?)

Sebuah lagi zine dari Melaka. Berkonsepkan 'cut and paste' - zine ini mengandungi beberapa bahan penting yang berbentuk politikal. Terdapat hanya datu interview di sini - Disgruntled. Harap zine in dapat diteruskan dengan lebih banyak bahan pada issue akan datang. Hubungi editornya untuk friendship dan juga bertukar-tukar bahan.

C/o Freeman, Jaafar Sulung, KM 16, Kg Pulai, 77300 Merlimau, Melaka.

OUT OF SIGHT #10 (Nov 2000)

Mungkin agak tak terlambat untuk aku review benda ni. Ok OOS (eh! Teringat pulak aku kat Out Of Step) adalah subyah newsletter yang tebal. Isu yang di tekankan dalam No 10 ini adalah isu Homophobic. Memang banyak feedback yang di kumpul dari macam-macam orang tentang isu Homophobic ini. Juga ada la sikit sikit artikel lain dan juga rungan review zine. Ada interview yang serious dengan Kojak dari Kota Tinggi. Aku rasa n/l ni dah keluar issue baru kot! Try la contact:

C/o Azam, 9 Jln tun Mahmud, Bandar Tenggara 1, 81000 Kulai, Johor.

DETENTION #1 (?)

Yeah, disini ada sebuah zine yang sungguh manarik untuk diriview! Detention nama di beri, Dibuat oleh saudara Husni! Ok, Zine ini memang terlalu padat dengan macam-macam bahan yang 'serius' - dengan menggunakan saiz tulisan yang kecil sampaikan ada diantara nya sukar untuk dicopy semula oleh mesin photostat. Tapi walaubagaimanapun sususannya memang menarik dan kemas. Kebanyakan artikel ditulis sendiri oleh Husni. Terkandung juga interview dengan Demisor, Violent Headache, damage digital dan Specops. Tetapi untuk rungan interview, aku dapati Husni sering memberi komen yang agak panjang pada sesetengah jawapan yang di beri oleh band yang diinterview. Aku rasa ini tidak berapa sesuai kerana mungkin band tidak dapat mempertahankan apa yang di komen oleh Husni. Lagipun ia bukanlah satu interview secara 'live' yang membolehkan soal jawap antara editor dan band di buat serta merta. Kadang-kadang sampaikan komen Husni lebih panjang daripada jawapan band!! Hahahah! Terdapat juga ruangan review zine dan muzik. Terdapat banyak bahan yang di review di ruangan ini. Apapun zine ini bagus walaupun pada isu pertama.

C/o M Husni, 502 Blok 11, Seksyen 24 40000 Shah Alam, Selangor.



FIGHTBACK! #1 (January 2000)

Satu newsletter hardcore dgn info tentang scene local di Indonesia. Layout grafik yang sungguh menawan mata memandang. Interview bersama Extreme Hate (indonesia).

C/o agus, Jl Tamansiswa 74 (Belakang Percetakan Phytagoras), Gg. Manuk Deruk, Mergangsan Lor Mg II/977, Yogyakarta 55151 Indonesia.

PINOCHIO #3 (February 2001)

Jarang aku nampak zine sekarang keluar dalam format A4. Kalau ikut keselesaan - memang bagi aku format A4 memang sedap nak baca dan juga besar untuk di pegang. Tapi kadang-kadang tu - mengenangkan terpaksa menggunakan kos yang agak tinggi maka kebanyakkan zine lebih kearah A5. Berbalik kepada review - Berry telah berjaya mengumpulkan satu interview yang sungguh padat dengan mengunakan set soalan yang sama dan telah di jawap oleh Fida (90's Choice), Zam (stinky Socks), Fendy (Rintihan Perasaan), Huzaiba (Maximum think), are Me (Stinking Edible Green Bean), Azam (Out Of Sight), Kojak (Free As A Bird), IBrahim (Ganyang), Farouk (Psycho Diversion). Fuh. Banyak betul. Di sini aku boleh membaca macam-macam pandangan dari satu soalan. Seronok baca jawapan-jawapan yang diberikan. ada Yang lawak - Ada yang serious. Juga terdapat scene report dari dalam dan luar negara + review yang banyak sekali. Rajin betul Berry ni. Weh - bila nak keluar issue baru?

No 19, Jalan Tangga 6, Tmn tangga Batu, Tangga Batu, 76400 Tangjung Kling, Melaka.

KUNG FU RICK 'MOTIVATION TO ABUSE' CD (625)
Rilis diorang kali ni still kekalkan muzik fast hardcore yang berat dengan vokal yg jerit-jerit. Band-band US memang terkenal dengan sound-sound fast macam ni. Dan muzik jenis ni dah meluaskan ke tempat-tempat lain. Untuk CD ni ada 14 track dengan kualiti sound yang bagus. Powerviolent forever!



MASS SEPARATION / UNHOLY GRAVE - SPLIT CD (DO NOT CONSUME)
Killer grindnoise dari MxSx dengan 16 track yang pasti menambat hati pendengar-pendengar grindcore di luar-sana. Lagu-lagu kebanyakkan straight to point tanpa banyak meleweh leweh dengan bit-bit yang tidak di perlukan. Total raw noise grindcore! Untuk UxGx pulak - style diorang still macam tu jugak. Band diorang ni memang ada 'sound original' diorang yg tersendiri. Kebanyakkan lagu dalam cd ini telah di riliskan dalam rilis-rilis mereka sebelum ini.
Do Not Consume, 533-P, Block 2, Sri Pahang Flats, Bkt Bangsar 59000 Kuala Lumpur.

SENSELESS APOCALYPSE 'SENSELESS STEREOTYPED IDEA' CD (HG FACT)
SxAx ni memang dah banyak rilis EP sebelum ni dan ini aku rasa-rasa CD pertama diorang. Dh memang terkenal kenal muzik fast violent core yang gila! Dengan sound recording yang sgt baik - macam biasa 2 vokal yang berlainan suara dapat memenuhi setiap ruang muzik yang ada. Lagu-lagu diorang pulak suka tukar-tukar bit dengan tak tentu hala. Yg menarik cover CD nya pula terdapat macam-macam gambar simbolik lawak yang aku sendiri tak berapa paham. Sekali imbas macam cover Pearl Jam. Bagi sesiapa yang dah biasa dengan SxAx ni anda pasti akan mendapatkannya!



PENADAS FOR LA LEY 'SEXO DEBIL' CD (ROTTHENNESS)
Band punk dari Brazil dgn line semua perempuan. Terdapat 9 track + 5 track sebagai bonus. Sound lagu mereka lebih kearah sound latin punk yang sudah pasti menyanyikan lagu dalam bahasa mereka dengan bertenaga sekali. Sayang sekali lirik pun dalam bahasa yang aku tak paham.
Rotthenness, Caixa Postal 1197, (01059-970) Sao Paulo, SP Brazil.



INTERVENZIONE 'WALLS OF SHAME' CD (RASTILHO)
12 track fast punk yang sangat rancak dan bertenaga dari band Portugal ini. Vokal lelaki dan perempuan dengan rentak yg laju memang menaikkan semangat. Mereka adalah salah sebuah band punk political yang aktif di Portugal. Dan aku percaya sesiapa mendengar cd ini pada kali pertama - terus jatuh cinta.
Ratilho, Apatardo 764, 2401, 978 Leiria, Portugal

VOICE OF THE VOICELESS - 4 WAY SPLIT CD (ANAK LIAR)
Ini rilis dari Anak Liar yang paling latest. Ok, band pertama adalah Man In The Shadow merupakan band dari Slovenia memberikan lagi-lagu hardcore yang agak rock diselit-selitkan dengan irama sedih. Kedua adalah Apatia-No dari Vanezuela dengan lagu-lagu punk yang melodi dengan vox yang garang menyanyikan lagu dalam bahasa ibunda mereka. Ketiga datangnya dari Singapore - Red Kedge dengan 4 track lagu hardcore yang menjerit-menjerit tak henti-henti. Sungguh tragis dan juga terdapat part vokal solo yang sedih. Akhir sekali adalah Autonomia dari Peru yang membawa lagu-lagu



punk molodic yang agak laju dgn bagus sekali. Juga menyanyikannya dalam bahasa mereka. Ok, itu sahaja yang dapat aku katakan untuk CD mat pang ni. Nasib 4 band. Kalau 20 band.. sure aku tulis 'etc' - 'etc' punya! Malas aku nak taip banyak-banyak. hahahahah!
Anak Liar, 12 Jln Tasek 25, Bandar Seri Alam 81750 Masai, Johor.

SUMMER DAY IN JUNE - CD (WEE WEE)
Ini agaknya yang orang selalu sebut 'sound hc france' tu. Sebab bila aku tengok balik memang ada beberapa band france yang ada lebih kurang main macam ni. SDIJ ni mengingatkan kat band Finger Print. So mungkin korang dapat bayangkan muzik diorang macam mana. Tapi apa yang paling penting aku nak bagitahu di sini. Design Graphic untuk cover CD diorang ni memang lawa gila. Bukan sebarang orang boleh buat layout macam tu. Aku rasa ini adalah Graphic tercantik yang pernah aku lihat. Bukannya apa, aku ni suka pada apa-apa benda yang mempunyai nilai seni. Dan aku akan tengok lama-lama sampai penat!
Wee Wee, 25 Rue Goudouli 31240 Saint Jean, France

PREDESTINE HOUR OF DEATH #1 (Feb 2001)
Sebuah zine datangnya dari seberang sana (Indonesia). Hampir keseluruhan bahan bacaan di sediakan dalam bahasa. Dan ada juga yang di terjemahkan untuk memudahkan lagi para pembaca. Kita juga boleh dapati 2 interview bersama2 band iaitu Distrust (Singapore) dan Stepforward (indonesia). Terdapat banyak info mengenai scene tempatan dan juga luar negara. Bagus untuk issue pertama ini dan harap untuk issue yang akan datang lebih bagus dengan idea-idea baru dan lebih tebal!
C/o Bowkore, JL Pitara RT 05/14, No 31, Depok 16436 INDONESIA.
E-mail: terbujurkaku@hotmail.com

PSYCHO DIVERSION #1 (May 2000)
Aku ni sebenarnya takut nak review zine si Farok ni. Tengok nama dia pun cukup. Dah tahu dah - yg dia ni memang gengster jahat suka tenet awek-awek cantik. Hahahahah! Ok, zine Farok ni memang padat dengan interview, bahan bacaan, etc. Memang kurang gambar. Susunan layoutnya kemas dan sedap mata memandang. Zine ni juga di usahakan bersama

aku riview tu. Isu ni jugak aku langsung tak sempat nak review vinly sebab leceh sangat nak handle benda turn-table tu. Maklumla la, aku punya player tu manual je - tak macam Din Burung punya. Siap boleh scratch2 lagi.
Ambil perhatian - aku lebih tekankan pada stuff tempatan untuk direview. Tolong hantarkan apa saja produk yang anda riliskan. Apapun, jangan salah sangka yang aku nak barang free - sebab aku akan cuba trade dengan barang yang sama nilai dengan barang yang aku terima. Tapi jangan cuba nak ambil kesempatan dengan hantar stuff yang bukan-bukan pastu mintak trade cara paksa. Memang aku tak layan orang macam ni. Anyway, aku still cuba dapatkan seberapa banyak stuff2 local untuk direview.

Memang macam-macam benda nak di ceritakan mengenai benda-benda yang berlaku dalam tahun 2000 hingga sekarang ni. Antara menarik dalam tahun 2000 - aku dan kawan-kawan kat JB & Singapura dapat tolong menjayakan mini tour Power Of Idea yang berlangsung sekitar bulan 5. Ini adalah pengalaman pertama aku uruskan gig untuk band 'luar'. Memang macam-macam benda yg aku kena buat. Antara benda yang paling susah ialah nak cari tempat untuk gig. Mula-mula aku pikir Dewan tapi memandangkan banyak sgt kerenah - kena jumpa AJK dewan la, MBJB/ Polis dan lain-lain, aku try cari tempat lain yang tak payah benda2 ni semua. Nasib baik la Botak tolong aku perkenalkan dgn tokey sebuah pub bernama Jungle Café. Cerita punya cerita, aku berjaya book tempat tu. Sebenarnya tempat ni, memang port budak-budak Metal buat gig. So, mungkin tokey tu dah paham akan benda gig ni.
Secara kebetulan pada tarikh yang hampir sama, CODE 13 dari US juga turun Malaysia dalam jadual world tour diorang. Dalam masa yang sama - maka timbul macam-macam pekara yang tak best berikutan takirh tour kedua-dua band ini adalah sama. Berbagai andaian di buat dan jugak khabar-khabar angin yang bagai angin kentut - berangin dalam spender dan berbau busuk. Tapi macam biasa bila dengar bunyi kentut-kentut macam ni aku tutup idung dan buat tak tahu je - malas nak ambik tahu sapa punya kentut. Sebab takda paedahnya nya pun kalau aku tahu sapa yang kaki kentut tu.
Gig Power of Idea berjalan dengan lancar pada kedua-dua tempat di Jb & Singapura. Dan yang lebih mengembirakan apabila CODE 13 juga dapat bersama-sama bermain di JB. Sedikit sebanyak ini dapat membuktikan pada semua yang sebelum ini pikir yang bukan-bukan. Gig ni ni memang best gila, tambahan pulak dengan persembahan dari kugiran Dirty Dogs berjaya menambat hati pengunjung. Lepas habis gig kat JB - aku sempat bawak Power of Idea and the geng pergi shoping VCD kat Giant, Plentong. Banyak gak diorang borong VCD - cerita kung fu, aksi, sedih, etc. Aku sempat gak tunjuk VCD untuk clip artis-artis Jepun. Semua diorang bedal. Diorang kata kat sana VCD rare - DVD je yg popular kat sana. Sebelum aku terlupa - aku juga ada merasa makan bebola nasik (yang macam dalam cerita Oshin tu) yang di bawak oleh diorang. Rasa dia - tak berapa sedap. Lebih kurang macam pulut tapi lebih melekit-lekit. Di balut dgn rumpai laut.
Untuk Broken Noise rilis pertama untuk alaf baru merupakan kaset Power of Idea yang di berikan percuma di pintu masuk gig Power of Idea (tapi sekarang dah tak boleh bagi free - kena beli). Dan di ikuti dengan split Atret/ Reconstruct. Rilis ni memang paling mencabar dan ganas. Memang pening kepala nak siapkan cover cd dan kasetnya. Dan rilis ini jugak telah menjadikan aku jatuh pokai dalam jangka masa yang agak lama. Tapi rilis ni aku rasa puas sebab dapat menyiapkannya seperti apa yang aku plan. Akhir Desember aku sempat mengeluarkan CD NYAB. Yang ni pun rabak jugak poket aku di buatnya - sebab kos setem untuk hantar royalti ke Brazil memang mahal gila babi! Tapi apa nak buat dah memang aku sendiri suka untuk keluarkan CD NYAB ni. Budak-budak NYAB ni memang friendly.

Kaset EP Parkinson adalah pembuka untuk tahun 2001. Sebenarnya aku (Parkinson) rekod lagu2 untuk EP ni saing dengan Reconstruct dulu. Tapi di sebabkan 2 kali aku kopak tahun 2000 - aku tangguhkan sampai ke bulan Febuari. Aku sendiri pun dah naik menyampah dengar lagu2 yang dah lemau sebab simpan lama sgt kat bilik aku. Semua stuff2 ni masih ada stok untuk di jual. Selain tu semuanya dah habis dan takkan press lagi. Sila ambil perhatian. Sebab sampai sekarang - ada yang still order kaset-kaset lama macam Protest, Parkinson (1'st), Social Crime, etc. Memang dah lumrah agaknya - bila benda dah takda memang ramai yang cari - tapi masa aku dok jual kat gig dulu, tengok pun tak nak! hahahahaha… Untuk masa akan datang - memang banyak projek yang di rancang. Dan semuanya bergantung pada masa dan kewangan.
Aku minta maaf kepada sesiapa yang melayari lawan web Broken Noise. laman web ni memang dah lama tak up-date semenjak line rumah aku kena

potong. Ini semua sebab si Jontos (abang aku). Dia gayut sampai bil tinggi pastu taknak bayar. Kalau korang jumpa dia kat mana-mana, korang pukul je dia - tapi jgnlah sampai kecederaan serius pulak. Kalau pergi hospital tu - kira pesakit luar je. Sekarang ni aku dah susah nak balas email dan update webpage. Dah la kat desa jaya ni ada sebijik je CC. Pastu penuh dgn budak sekolah (pakai uniform lagi) main game network tembak-tembak. Aku nak masuk line sendiri - dah tak boleh. Nama aku dah kena blacklist sebab tak bayar bil rumah kat taman U dulu. Aku tahu memang susah nak jaga homepage ni kalau takda line sendiri kat rumah. Bagi aku kalau aku update list mailorder kat internet - mungkin ramai yang dapat info lebih cepat dan terkini. Tak payah nak bagi setem 30 sen - pastu tunggu pulak aku reply surat. Cuma yang aku boeh buat sekarang ni - dgn hantar email terbaru pakai email. Itu pun jarang pergi CC sebab busy.

Kalau dah start cerita pasal distro ni - memang banyak benda aku nak cakap. First sekali pasal setem. Aku tahu ramai yang suka guna gam pada setem. Dan aku rasa cara ni memang popular sekarang sebab ia sgt menjimatkan. Tapi bagi diri aku - aku tidak gunakan cara ini untuk hantar order sebab aku memang nak pastikan yang segala barang/surat yang aku hantar selamat. Aku cakap macam ni sebab aku selalu sangat kena denda dengan posman sebab banyak surat yg aku terima ada gam. Dan aku jugak pernah dapat amaran dari pihak pos mengenai benda ni. Aku bukan nak halang budaya gam ni - Cuma aku rasa kalau ia di buat cara selamat dan teliti, mungkin risiko kantol akan kurang. Tapi pada apa yang aku tengok, ada tu setem sampai dah nak hancur pun diorang dok bantai gam jugak! Dan ada pulak sebilangan yang pegi bubuh gam yg kilat-kilat / tebal / color/ etc pada setem. Yang letak setem terpakai (yg telah di cop) pun ada jugak! Ini memang cari nahas namanya. Memang berani betul budak-budak ni. Sebab diorang sanggup ambil risiko walaupun dalam surat diorang tu ada order barang. Oklah, aku nak bagi tips untuk benda ni sebab masa dulu-dulu pun aku buat jugak. So, pertama sekali kita kena dapatkan gam kanji yang murah tu - harga dalam 10 - 40 sen mengikut tempat masing-masing. Kalau lebih 50 sen tu dah kira kena rip-off dgn kedai la tu. Gam ni ada dua bentuk - satu macam ubat gigi (jenis picit-picit punya) lagi satu jenis bekas plastik siap ada sudu kecik untuk cedok gam tu. Lepas dah dapat gam - sila sapu gam pasa setem dgn rata dan nipis. Dgn jari lagi elok - jangan nak mengada-ngada guna kain/etc. Dan bila dah kering barulah di lekatkan pada sampul surat. (PERHATIAN: jgn lekat setem pada sampul surat baru nak letak gam sebab nanti ada kesan gam kat tepi-tepi setem pada sampul surat.) Harap dgn tips yg tak seberapa ni - akan membantu pada mereka yang ingin menjimatkan wang anda. Semoga berjaya.

Beralih pulak pada cerita lain. Yeah! Kemunculan ARGON telah menggegarkan musik punk di tanah air. Argon adalah sebuah band membawakan muzik muzik ganas dgn bukan satu tetapi dua orang vokal yang selalu bertumbuk bila time nak cari lagu! Heheheheh! Ini bukanlah satu kenyataan untuk menjatuhkan band ini tetapi aku cuba nak membanyangkan betapa hebatnya band ini. Dianggotai oleh Din Akar, Wan Jalu, Tiong (Drummer Reconstruct) dan Uncle Prop (ex-Disorder Track and Parkinson). Ternyata gabungan mantap 4 lelaki dapat mewujudkan sebuah band sungguh aggresif. Nantikan kemunculan EP sulung Argon pada tak lama lagi. Pasti tidak akan menghampakan anda.

SUBURBAN RECORDS
IS COMING WITH AN AMAZING NEW & FIRST ALBUM FROM :
SATELLITE
"ABOUT WAR AND VIOLENCE"



OUT NOW !!!
GET IT NOW !!!
RP. 10.000,- (BY HAND)
RP. 13.000,- (BY MAIL IN INA)
US$ 5,- (WORLD PPD)
SEND TO :
SUBURBAN RECORDS
JL. ARJUNA VIII NO. 169, MAS NAGA JAKA SAMPURNA
BEKASI SELATAN 17147 - INDONESIA
C/O : RUDI (021-8203243-44), VEMIL (021-8207154)
OJI (021-5250595)

CHILDREN OF BODOM 'HATEBREEDER' CD (SPINEFARM)
Ha, yang ni jangan dok buat main. Ni line-line pegang sabit punya band! Ada gambar pakcik pakai jubah pegang sabit kat cover CD ni. okeh, COB ni memang best – dgn iringan keybord yang beirama. Sound memang clear/power gila dengan skill yang cukup tinggi. Diorang ni main memang skill. Agaknya diorang ni memang dari kecik kot dah start jamming! CD ni ada 9 track dan tambahan 1 track untuk Jap pressing.

V/A MERCILESS CORE CD (MERCILESS)
40 track yang cukup-cukup power dari 7 band di dalam cd compilation ni seperti Misopsychia, Social Deformity, Cunt N Bananaaz, PTAO, Needful Things, Oral Climax and The Public. Needful thing memang terus automaticly jadi sasaran aku untuk buat MP3! hahahah. Dalam compiltaion ni memang keseluruhannya memang fast@noise comp. Memeng tak rugi kalau sapa sapa nak try tukar angin nak dengar lagu-lagu grind/noise .

324 'BOUTOKUNOTAIYO' CD (HG FACT)
Band ni memang power. Keseluruhan lagu di gubah dengan teliti untuk setiap part. Still ada bit-bit crust dan hardcore di selang-selikan dengan attack grind yg laju dan ganas. Vokal banyak main peranan kat sini. Band dari Jepun ini memang padat dan bertenaga. Tak dapat aku bayangkan bila diorang main live.



Hg Fact, 105 Nakanoshinbashi-M, 2-7-15 Yayoi-Cho, Nakano-Ku, Tokyo 164-0013, Japan

BICEPTASAURUS / COSTAS CAKEHOUSE - SPLIT CD (IN LEAGUE WIT' SATAN)
Waduh! Ini CD kegemaran aku. Bicep (Australia) berkonsepkan hardcore grind yang heavy dah membuatkan aku jatuh cinta. Dengan 2 vokal yang benar-benar menguji ketahanan anak tekak. Track no. 5 adalah track killer untuk Bicep. CxCx tak lari banyak dari muzik Bicep - pendek kata split ni memang 'kena' diorang ni. Lebih banyak part hardcore violent yang jerit-jerit. Band dari German ini sebelum ini ada meriliskan beberapa material yang bagus. Highly recomemded!
In league wit' Satan, Po Box 1418, Fortitude Valley, Q 4006 Australia.

SUPPOSITORY/AGATHOCLES - SPLIT CD (OBSCENE)
Suppository dari Holland mungkin dah kenali oleh mereka-mereka yang mengikuti scene grindcore. Bagi aku ini antara band yang selalu jadi perhatian aku bila di waktu kesunyian. Sebelum ini aku hanya ada rilis2 dalam bentuk vinly dan kali ni aku dapat dengar sound diorang dalam bentuk digital. Muzik diorang ni nak kata asik grind je pun tidak, still ada part2 slow yang berat dan ganas dengan 2 vokal yang berlainan suara. Dan Agx pula memang tak perlu di perkatakan lagi tentang muzik pakcik-pakcik ni.



So, split memang best! Pandai betul budak obscene ni match kan band-band ni.
Obscene Productions, Milislav 'Curby' Urbanec, Dolany 117, 53545 P. Opatovice, N./L., Czech Republic.

CIRCLE OF DEAD CHILDREN 'STARVING THE VULTURES' CD (WILLOWTIP)



Terus terang aku cakap, CD ni memang selalu sangat aku dengar. Sampaikan kalau time Parkinson buat live – kita selalu ambik satu part dari satu lagu dalam CD ni untuk intro! hahahah! Itu pun kalau ada yang terperasan. OK, dari segi muzik, kelajuan bukan pekara utama yang ditumpukan dalam lagu-lagu diorang. Cuma diorang suka main macam-macam bit slow&laju heavy di mana vokal suka menjeit-jerit bagaikan didera dgn kejam!!! Background muzik memang tak lepas dari bunyi d. pedel. Lirik diorang berkisarkan kehidupan dan ada tu memang susah nak difahami sebab guna English yg susah-susah sgt.
Willowtip Recs, 103 David Drive, Butler PA, 16001, USA.

V/A NOISE FOR DEAF 2 'NOISE OFFERING INTEREST IN SUPPORT EDUCATION FOR DEAF' CD (ROTTHENNESS)
Satu lagi compilation benefit yang di usahakan oleh Rotthenness recs dari Brazil. Terdapat 32 band masing-masing memberikan sebuah lagu. Kebanyakkannya aku tak pernah dengar band-band dalam comp ni. Terdapat juga band seperti Negative Control, Absurd, NYAB, Disarm, etc. Support mereka.

SLIGHT SLAPPERS 'A SELFISH WORLD CALLED FREEDOM' CD (HG FACT)
Nama band ni memang agak basar di kalangan scene yang main muzik jenis fast core ni. Aku selalu terbayang macam mana diorang boleh ada stamina main bit-bit laju macam ni. Aku rasa lagi penat main drum ni dari grind. Bukan semua orang boleh main macam ni kalau tak bersenam betul-betul. Walaupun muzik jenis ni bukan jenis yang aku favourite tapi aku tetap suka pada benda-benda yang laju ni! Aku tak tahu CD ni rilis yang ke berapa untuk band diorang ni. Ada banyak gambar 2 jejaka yang telanjang bulat di merata-rata bahagian cover cd ini.

NEE 'NEE MEANS NO' CD (DIY)
Satu lagi band grind gore noise yang sangat laju. Ada 41 track kesemuanya. Nee ni kalau tak silap aku pernah split dgn Warsore. Kebanyakkan muzik di mulai dengan intro2 yg unik dan pelik dan di sudahkan dengan bunyi grind yang tak berhenti-henti. Seronok gila layan benda macam ni. Tapi tak boleh selalu sangat sebab nanti sampai tahap boring kerana lagu-lagu nya lebih kurang sama. Teringin nak dapatkan lagi rilis band ni.
c/o Dennis Van Geldrop, Korenbloemstraat 10, 6026 CD Maarheeze, Holland.

ONE 2 KA 4 - VCD
Cerita ni memang dapat publisiti meluas dan promosi yang gila-gila. Mungkin kerana ada sesetengah rakaman di buat di Malaysia. Apa pun jalan cerita nya memang boring. Mula-mula aku ingat bagus sangat la cerita ni. Rupanya cerita Shah Rukh Khan jadi polis naik moto laju-laju pastu tembak sana-sini, nyayi-nyanyi lebih kurang, pastu habis. Boring gila!!



EDORA 'NO REGRETS' KASET DEMO (DIY)

